

**NO. SOALAN: 92**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]**

**SOALAN : 92**

**Ir. Shaharuddin Bin Ismail [ Kangar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kerugian yang dialami serta kos pembaikpulihan pagar yang berlubang sekitar sempadan stesen KTMB Padang Besar sehingga berlakunya aktiviti penyeludupan pelbagai barang terlarang.

**JAWAPAN:** **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak kerajaan melalui agensi-agensi keselamatan yang terlibat sentiasa memantau dan memastikan aktiviti penyeludupan di kawasan sempadan darat negara dapat dikawal dan diberi perhatian dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, anggaran bagi kos menyelenggara dan membaik pulih pagar-pagar sempadan di negeri Perlis termasuklah di kawasan sekitar KTMB Padang Besar secara keseluruhannya berjumlah RM1.58 juta untuk tempoh setahun. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan dilaksanakan secara berkala mengikut jadual dan berdasarkan keperluan.

Sekian, terima kasih.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL**

**SOALAN : NO. 93**

**Ir. Shaharuddin Bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa peratuskah graduan lepasan universiti awam yang berjaya mendapat pekerjaan kurang 6 bulan selepas tamat graduasi daripada tahun 2014 sehingga terkini dan senaraikan jumlah graduan yang masih belum mendapat pekerjaan yang dikategorikan sebagai menganggur.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, kadar kebolehpasaran graduan di Universiti Awam telah meningkat pada kadar 1.9 peratus antara tahun 2014 hingga 2016. Kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2014, 2015 dan 2016 masing-masingnya adalah sebanyak 75.4 peratus, 76.1 peratus dan 77.3 peratus.

Bilangan graduan yang belum bekerja semasa kajian ini dilaksanakan telah menurun dari tahun 2014 hingga 2016 iaitu 28,148 orang graduan pada tahun 2014, 27,065 orang pada tahun 2015 dan 25,544 orang pada tahun 2016.